

01 DEC 1996

PM-amaran

LESEN PENIAGA AKAN DITARIK BALIK: DR MAHATHIR

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran keras kepada peniaga di sini yang menaikkan harga barangan kemungkinan lesen perniagaan mereka akan ditarik balik.

Menurut Perdana Menteri beliau puas hati dengan apa yang berlaku di sini semasa Pameran Kereta Antarabangsa Langkawi 96 (Limos 96) kecuali sikap peniaga yang tamak untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin.

"Saya diberitahu sesetengah kedai di sini menjual barang dengan harga berkali-kali lebih tinggi daripada di Kuala Lumpur dan kali ini saya akan bertindak habis-habisan," katanya di satu sidang berita selepas merasmikan Limos 96 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Turut hadir Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid.

Dr Mahathir berkata kali ini pihak berkuasa tidak akan teragak-agak untuk menarik balik lesen perniagaan yang sekaligus melarang mereka menjalankan sebarang aktiviti perniagaan lain.

"Tindakan tegas yang pertama diambil ke atas peniaga ialah menarik balik lesen mereka.....tutup kedai mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata kerjasama daripada orang ramai diperlukan untuk menyekat peniaga yang tamak daripada terus menindas pelanggan terutama pelancong.

"Kita harap mereka dapat datang dan beritahu kepada kita kedai mana yang jual barang mahal supaya kita boleh ambil tindakan terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab....supaya ia menjadi pengajaran kepada yang lain," katanya.

Beliau menggesa orang ramai supaya memberikan kerjasama kerana hanya melalui kerjasama mereka masalah itu dapat diatasi.

Mengenai perletakan jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman, Dr Mahathir berkata beliau telah menerima perletakan jawatan ahli Parlimen Baling itu.

Katanya, tiada isu besar di sebalik perletakan jawatan itu cuma Raja Ariffin berhasrat untuk menumpukan lebih banyak masa kepada perniagaannya.

-- BERNAMA

MT OBA